


TARIKH	29 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	32	RUANGAN	sempat

# Ganti bapa kena strok

Anak lelaki diberi amanah temani ibu ke Tanah Suci



## Lambaian Kaabah

>>Oleh Sharifah Norfaezah  
Wan Ahmad Makki Mashor  
[norfaezah@metro.com.my](mailto:norfaezah@metro.com.my)

**S**UNGAI BULOH: "Impian saya hanya satu, mahu abah kembali sembuh seperti sedia kala dan dapat menunaikan haji bersama ibu," luah bakal

jemaah haji, Mohd Rohaizad Abdullah.

Rohaizad, 31, dijadualkan berlepas ke Makkah awal pagi ini menggantikan tempat bapanya, Abdullah Talip, 57, yang terlantar sakit sejak hampir empat tahun lalu akibat serangan strok selepas sekian lama menghidap penyakit darah tinggi.

Dia akan mengerjakan haji bersama ibu tersayang, Sabariah Yacob, 62, bagi musim haji 2012.

"Peluang ini tidak sekali-kali akan saya sia-siakan apabila berada di sana kelak kerana ini bukan saja amanah kepada diri dan keluar-


ga, tetapi kepercayaan yang diletakkan empat adik-beradik saya yang lain," katanya yang ditemui bersama Sabariah di kediamannya, di sini, semalam.

Sementara itu, Sabariah berkata, dia berasa terkilan tidak dapat membawa hadiah anak-anak bersama suami ke Tanah Suci, namun doa buat Abdullah tetap tersemat dalam hatinya.

Katanya, selain menjadi isteri yang amanah dan taat kepada suami, hanya doa saja yang menjadi bekalan buat dia mendoakan kesejahteraan suami dan ahli keluarga tersayang.

# *Harian* **METRO**

TARIKH	29 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	32	RUANGAN	setempat



SEBAK...Sabariah (kanan) dan Rohaizad (kiri) memberi kata-kata semangat kepada Abdullah sebelum mereka berlepas ke Tanah Suci.